**AKHBAR** : SINAR HARIAN
**MUKA SURAT** : 14
**RUANGAN** : MEMEWANGI WABAK COVID-19

# Bilangan kes pulih tertinggi

Sebanyak 2,555 kes pulih dicatatkan semalam, kes positif menurun kepada 935 kes

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Bilangan kes pulih daripada jangkitan koronavirus (Covid-19) terus mencatatkan angka tertinggi dua hari berturut-turut dengan 2,555 kes dilaporkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah tersebut menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya adalah 49,056 kes.

"Ia bersamaan dengan 80.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya dalam kenyataan semalam.

Kelmarin, kes pulih turut merekodkan jumlah tertinggi dengan 2,348 kes.

Dalam pada itu menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan kes baharu positif Covid-19 sebanyak 935 kes semalam.

"Ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di Malaysia adalah sebanyak 60,752 kes dengan 11,348 kes dirawat di hospital," katanya.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 931 kes adalah penularan dalam negara.

"Sabah hari ini (semalam) melaporkan kes harian tertinggi iaitu sebanyak 326 kes, diikuti Selangor 161 kes dan Negeri Sembilan 158 kes.

"Selain itu, Perak merekodkan 79 kes , Johor (60), Kuala Lumpur (59), Kelantan (28), Kedah (24), Pulau Pinang (17) dan Labuan (13).

"Putrajaya mencatatkan lima kes, Sarawak empat kes dan satu di Terengganu," katanya.

Katanya, terdapat pertambahan tiga kes kematian berkaitan Covid-19 semalam.

"Ia menjadikan jumlah kumulatif kes kematian adalah 348 kes," katanya.



Anggota Bomba dan Penyelamat menyembur bahan sanitasi di tempat kawasan tumpuan penduduk pada Program Inisiatif Bersepadu Mengekang Penularan Covid-19 di Kampung Bahagia, Sandakan semalam.

